

WAKTU RAWATAN

- ❖ Hari Isnin Hingga Sabtu (Termasuk Hari Cuti Umum)

0700 pagi hingga 5.00 petang

- ❖ Hari Ahad (Tutup)

Kami juga menyediakan waktu rawatan yang fleksible kepada pelanggan yang membuat temujanji/rawatan ulangan dengan mana-mana pusat kesihatan.



PELAN LOKASI PUSAT DIALISIS SERI KEMBANGAN



PELAN LOKASI PUSAT DIALISIS SUNWAY BATU CAVES



SYARIKAT PERUBATAN D'VET SDN BHD
(Anak Syarikat Yayasan Veteran ATM) (707154-K)

Tingkat 20, Menara TH Perdana, 1001,
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
Tel : 03 2050 8194 Fax : 03 2691 7561
Email : yvatm@hotmail.com

PUSAT DIALISIS YAYASAN VETERAN ATM



SYARIKAT PERUBATAN D'VET SDN BHD
(Anak Syarikat Yayasan Veteran ATM) (707154-K)

LATAR BELAKANG PUSAT DIALISIS YAYASAN VETERAN ATM

Syarikat Perubatan D'vet Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2005. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk menambahkan sumber pendapatan Yayasan Veteran ATM bagi membantu Veteran ATM dan tanggungannya.

Bersesuaian dengan sebuah syarikat perubatan yang dekat dengan Veteran ATM, Yayasan Veteran telah menubuhkan sebuah pusat dialisis sebagai perintis menceburkan diri dalam bidang rawatan dialisis.

Pusat Dialisis yang pertama dtubuhkan adalah Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM di Sg Besi Indah, Seri Kembangan pada tahun 2006. Pusat dialisis ini telah dilengkapi dengan 8 unit mesin dialisis berserta dengan staf yang terlatih khususnya dalam bidang rawatan renal.

Seterusnya Syarikat Perubatan D'Vet Sdn Bhd menubuhkan pusat dialisis yang kedua di Taman Sunway Batu Caves pada tahun 2008. Pusat Dialisis ini diberi nama Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM Cawangan Batu Caves. Ianya dilengkapi dengan 6 unit mesin dialisis yang terkini di pasaran.

Kedua-dua pusat rawatan dialisis kami telah mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pusat dialisis ini bukan sahaja merawat pesakit dikalangan Veteran ATM tetapi kami juga merawat pesakit-pesakit renal daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (sedang berkhidmat atau sudah bersara), Badan Berkanun Kerajaan, PERKESO, Pusat Zakat dan orang perseorangan.

VISI

MENJADIKAN SEBUAH PUSAT DIALISIS
YANG BERKUALITI DAN MESRA PELANGGAN

MISI

- MENYEDIAKAN PRASARANA RAWATAN YANG KONDUSIF KEPADA PELANGGAN.
- SENTIASA MEMATUHI PIAWAIAN RAWATAN YANG DI KELUARKAN OLEH KERAJAAN.
- STAF YANG EFISYEN, PERIHATIN DAN BERDISIPLIN.

Bagi memastikan setiap pelanggan menerima rawatan dan perkhidmatan yang selesa, Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM menyediakan perkhidmatan seperti berikut;

- Kakitangan yang terlatih dan professional.
- Pengangkutan pergi dan balik dari rumah ke tempat rawatan.
- Menyediakan sajian ringan (Refreshment).
- Nasihat penjagaan kesihatan daripada Pegawai Perubatan.
- Sumbangan Kebajikan.
- Menganjurkan hari Continuing Medical Education (CME) pada setiap tahun.
- Menganjurkan Ceramah Motivasi (Tertakluk kepada kesesuaian masa)

